

# UMS mahu tingkat jumlah pelajar aliran sains

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 02.09.2012 B2

**M**ENINGKATKAN jumlah pelajar yang mengambil aliran sains menjadi matlamat Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk pencapaian pada masa akan datang.


Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata UMS meletakkan matlamat sebanyak lebih 50 peratus pelajarinya adalah dari aliran sains.

Menurutnya, sempena dengan pendaftaran pelajar baru untuk sesi akademik 2012/2013, sebanyak 45 peratus pelajar yang menerima tawaran adalah dalam bidang sains.

“Ia menjadi satu cabaran besar buat UMS untuk mencapai matlamat meningkatkan jumlah pelajar aliran sains di universiti ini.

“Saya percaya banyak usaha telah dilakukan bagi memperolehi peningkatan itu terutamanya dengan penubuhan Pusat Asasi Sains UMS,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media sempena pendaftaran kemasukan pelajar baru bagi sesi akademik 2012/2013 di sini



**HARUN**

kelmarin.

Harun berkata, bagi sesi ini seramai 5,068 pelajar ditawarkan tempat sebagai mahasiswa UMS.

Jumlah berkenaan katanya, meningkat sebanyak sembilan peratus berbanding jumlah yang ditawarkan tahun lepas iaitu seramai 4,606 pelajar.

Jelasnya, tahun ini juga buat pertama kalinya UMS menggunakan aplikasi pendaftaran secara atas talian (online).

Namun bagi pelajar yang tidak dapat mendaftar secara atas talian, UMS turut membuka kaunter



**SEBAHAGIAN** ibu bapa yang menghadiri sesi taklimat mengenai pendaftaran pelajar baru UMS.

pendaftaran apabila pelajar sampai ke UMS.

“Sehingga petang 30 Ogos lepas, seramai 4,140 pelajar sudah mendaftar dan 928 orang lagi belum mendaftar. Tapi kita jangka tidak ada masalah untuk mencapai jumlah keseluruhan pelajar yang menerima tawaran untuk mendaftar dalam tempoh yang disediakan,” katanya.

Bagi pelajar antarabangsa pula, sesi ini turut menerima peningkatan sebanyak tujuh

peratus dengan jumlah pelajar seramai 182 orang.

Tambahnya, sebahagian besar pelajar antarabangsa adalah daripada negara China iaitu seramai 160 orang. Manakala selebihnya adalah daripada negara Indonesia, Turki, Korea dan Brunei.

“Kebanyakan pelajar antarabangsa ini mengambil kursus yang ditawarkan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) iaitu seramai 72 orang dan 59 orang di

Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (SPKA) UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

“Kita juga dalam proses pembelian tiga buah bas baru untuk perkhidmatan dalam kampus UMS dan sekarang ini kita memiliki lebih 20 buah bas UMS,” katanya.

Harun berkata, usaha itu seiring dengan misi untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada pelajar.